



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

19 APRIL 2021 (ISNIN)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

19 APRIL 2021 (ISNIN)

Hanya sebahagian harga PriceCatcher ditularkan

Info harga tinggi tidak tepat

Oleh PETAH WAZZAN ISKANDAR
utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mendapati dakwaan yang tular tentang harga ikan, ayam dan daging lembu tinggi di aplikasi PriceCatcher, kurang tepat serta bukan situasi sebenar.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, paparan di aplikasi terbabit yang ditularkan tidak menerangkan harga di semua tempat dan hanya membabitkan harga tiga barang iaitu ikan kembung, ayam dan daging.

Katanya, harga yang ditularkan hanya membabitkan premis sekitar daerah *up-market* Bukit Bintang sedangkan terdapat premis lain di kawasan berdekatan yang menjual tiga barang berkenaan pada harga

lebih murah.

“Paparan harga aplikasi PriceCatcher disusun mengikut premis dan lokasi serta harga dari terendah kepada tertinggi yang bertujuan memudahkan pengguna membandingkan harga ditawarkan semua premis berdekatan dengan lokasi pengguna.

“Adalah kurang tepat membuat rumusan harga hanya berdasarkan satu premis tertentu kerana dalam dunia yang penuh dengan pilihan, aplikasi Price Catcher memberikan opsyen kepada pengguna memilih dan seterusnya menjadi pengguna yang bijak,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu, Alexander berkata, susulan beberapa kes kenaikan harga ayam yang dikesan baru-baru ini, Op Catut 8.0 (ayam) yang bermula Khamis lalu menyaksikan 24 notis dike-



ALEXANDER NANTA LINGGI

bermula 12 Januari lalu dan sebanyak 1,149 notis dikeluarkan kepada peniaga yang disyaki mencatut.

“Bagi Op Pantau yang bermula 13 April lalu, sebanyak 5,768 premis diperiksa di seluruh negara dengan 27 kes direkodkan atas pelbagai kesalahan selepas memberi tumpuan kepada bazar Ramadan, bazar hari raya, pasar awam, pasar basah, pasar raya besar, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit yang melibatkan peniaga ayam, daging serta ikan.

“Kita juga mendapati harga makanan ternakan yang terdiri dari soya dan jagung yang kebanyakannya diimport dari Argentina dan Brazil merekodkan kenaikan, sekali gus menjasakan harga ayam dalam rantaian bekalan dan peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna,” katanya.

HARI : ISNIN
TARIKH : 19/4/2021
M/SURAT : 1



Harga ayam naik

Kenaikan harga makanan ternakan antara punca

**24 pemborong,
16 penternak
disyaki mencatut
terima notis
dalam Ops Catut 8**

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kenaikan harga makanan ternakan, iaitu soya dan jagung yang diimport dari Argentina dan Brazil, dikenal pasti antara punca menyumbang kepada peningkatan harga ayam dalam pasaran.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memaklumkan, tinjauan awal mendapati kenaikan harga makanan ternakan itu menjelaskan harga ayam dalam rantaian bekalan daripada peringkat ladang ke pemborong, peruncit dan pengguna.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata KPDNHEP turut melaksanakan Ops Catut 8.0 bermula Khamis lalu, susulan beberapa kes kenaikan harga ayam yang dikesan baru-baru ini.

"Sehingga Jumaat, sejumlah 24

notis sudah dikeluarkan kepada pemborong, 16 notis kepada penternak yang disyaki mencatut.

"KPDNHEP menerima 15 aduan berkaitan harga ayam, daging (satu), sayur (dua) dan ikan (15) di seluruh negara sejak puasa bermula. Namun, tiada aduan diterima berkaitan kekurangan bekalan ke atas semua bahan makanan berkenaan," katanya dalam kenyataan semalam.

Alexander berkata, KPDNHEP turut melaksanakan Ops Pantau di seluruh negara, mulai Selasa lalu di bazar Ramadan, bazar Aidiifitri, pasar awam, pasar basah, hipermarket, pasar raya, pasar mini dan kedai runcit dengan tumpuan diberikan terhadap peniaga ayam, daging dan ikan.

"Sehingga Jumaat lalu, sejumlah 5,768 premis diperiksa di seluruh negara dengan 27 kes direkodkan atas pelbagai kesalan," katanya.

Beliau berkata, untuk rekod, KPDNHEP juga melaksanakan Ops Suri pada 1 Januari lalu, membabitkan penandaan harga dan mencegah pencatutan termasuk oleh peniaga ayam, daging, ikan dan sayuran.

"Ops Pasar (sayur, daging dan ayam) bermula 12 Januari hingga 17 Mac lalu juga dilaksanakan, bagi memantau dan mengawal kenaikan harga pada setiap peringkat pembekalan barang yang

terdiri daripada peruncit dan pembekal.

"Sepanjang operasi dijalankan, sebanyak 1,149 notis dikeluarkan kepada peniaga yang disyaki mencatut," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, semakan terhadap dakwaan itu viral di Facebook berkaitan paparan harga ikan, ayam dan daging lembu yang dikatakan tinggi di aplikasi PriceCatcher KPDNHEP di sekitar Kuala Lumpur, didapati kurang tepat serta tidak menggambarkan situasi sebenar kerana maklumat disebarluaskan ti-

dak menerangkan harga di semua tempat.

"Paparan viral itu hanya membabitkan harga tiga barang, iaitu ikan kembung, ayam dan daging di premis sekitar Bukit Bintang sahaja.

"Semakan mendapati terdapat premis lain di kawasan berdekatan yang menjual tiga barang berkenaan pada harga lebih murah daripada yang dinyatakan dalam hantaran Facebook itu," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, seperti yang diviralkan ikan kembung dijual sehingga RM24 (sekilogram), ayam bersih super RM12, manakala harga daging lembu tempatan (bahagian daging pejal kecuali batang pinang) mencecah RM40 sekilogram.

"Maklumat Price Catcher sepenuhnya berdasarkan semakan harga terkini pada 17 April mendapati harga ikan kembung (antara RM8 hingga 12 ekor sekilogram) menunjukkan harga yang lebih rendah daripada RM22 sekilogram.

Alexander berkata, KPDNHEP melaksanakan pelbagai usaha secara berterusan sejak Januari, termasuk melakukan sesi libat urus bersama kementerian dan agensi lain serta pemain industri

KPDNHEP laksana pelbagai usaha secara berterusan sejak Januari, termasuk melakukan sesi libat urus bersama kementerian dan agensi lain serta pemain industri

*Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan
Dalam Negeri dan
Hal Ehwal Pengguna*



40 notis dikeluarkan kepada pemborong, penternak ambil untung berlebihan

Ops Catut 8.0 pantau harga ayam

Isu Pengguna

Oleh ZULKIFLI MANZOR
dan SAFINA RAMLI

PETALING JAYA — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melancarkan operasi khas Ops Catut 8.0 dalam usaha untuk membendung kenaikan harga ayam bermula Khamis lalu.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, sebanyak 24 notis telah dikeluarkan kepada pemborong dan 16 notis kepada penternak yang disyaki mencatut iaitu mengambil keuntungan tinggi tidak munasabah sehingga 16 April lalu.

"Susulan beberapa kes kenaikan harga ayam yang dikesan baru-baru ini, KPDNHEP melaksanakan Ops Catut 8.0 (Ayam).

"KPDNHEP menerima 15 aduan berkaitan harga ayam, daging (1), ikan (15) dan sayur (2) di seluruh negara sejak puasa bermula, namun tiada aduan diterima berkaitan kekurangan bekalan ketiga-tiganya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Pengarah Penyuatu Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, KPDNHEP membutuhkan jawatankuasa khas menangani isu harga ayam yang menumpukan perhatian di peringkat pengeluar dan peribor-



AZMAN meneliti harga ayam semasa membuat tinjauan di sebuah Pasar Raya Lotuss, George Town semalam.

KERATAN Kosmo! 14 April 2021.

rong serta peniaga bagi mengenal pasti punca kenaikan harga itu.

Katanya, 40 notis masing-masing 16 notis kepada pengeluar dan 24 notis kepada pemborong dibuat bagi membolehkan pihaknya menjalankan siasatan lanjut dalam mendapatkan

maklumat kenaikan harga dan mengesas sekitarannya wujud sebarang elemen pencatutan.

"Setakat semalam, pihak kami menerima 15 aduan mengenai kenaikan harga ayam, memandangkan terdapat rungutan, satu jawatankuasa khas bagi menan-

ganisasi ayam ini ditubuhkan.

"Melalui notis ini, kita dapat maklumat yang perlu dan selepas itu baru kita boleh buat keputusan sama ada mereka (pengeluar, pemborong) melakukan kesalahan di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan

Antipencatutan (AKHAP) 2011," katanya selepas menjalankan tinjauan di Pasar Raya Lotus di sini semalam.

Harga ayam di seluruh negara meningkat sehingga mencapai RM10.50 sekilogram dan dijangka meningkat sehingga RM12 menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Menurut Azman setakat ini beliau difahamkan kenaikan harga ayam berlaku disebabkan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan, namun perkara itu masih dalam siasatan KPDNHEP.

"Sebagai contoh, tahun lalu harga makanan ayam import dari Brazil dan Argentina naik dan 70 peratus. Komponen harga adalah melibatkan kos makanan ayam.

"Bagaimanapun, itu baru di peringkat awal siasatan, pihak KPDNHEP akan siasat lebih lanjut dan pastikan ia tidak melibatkan berlakunya pencatutan harga dan jika berlaku, tindakan akan diambil," katanya.

Dalam pada itu, Azman berkata, dari segi bekalan ayam, pihaknya mendapat ia mencukupi untuk kegunaan pengguna walaupun berlaku permintaan yang tinggi untuk ayam dan daging.

Kosmo! pada 14 April lalu melaporkan mengenai rungutan pelbagai pihak ekoran kenaikan mendadak harga ayam di seluruh negara ketika umat Islam baru merakaan ketibaan Ramadhan.

Laksana operasi atasi kenaikan harga barang

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil beberapa pendekatan dalam usaha mengatasi kenaikan harga barang yang boleh memberi kesan kepada kos sara hidup masyarakat.

Menyerinya, Datuk Alexander Nanta Linggi (*gambar*) berkata, antara pendekatan yang dilakukan adalah melakukan beberapa operasi serta pemeriksaan bagi melakukan pemantauan dan kawalan harga barang.

"KPDNHEP melaksanakan Operasi (Op) Suri pada 1 Januari lalu membabitkan pe-

nandaan harga dan mencegah pencatutan termasuk oleh peniaga ayam, daging, ikan dan sayuran.

"Kami juga menjalankan Op Pasar membabitkan sariyur, daging dan ayam yang bermula pada 12 Januari lalu hingga 17 Mac lalu bagi memantau dan mengawal kenaikan harga di setiap peringkat pembekalan barang.

"Ia terdiri daripada peruncit (pasar basah, pasar awam dan pasaraya) dan pembekal (pemborong, pedadang, pengimport) dengan 1,149 notis dikeluarkan kepada peniaga yang disyaki mericatut," katanya.



Harga dipapar tidak tepat: Menteri

Kuala Lumpur: Dakwaan mengenai isu berkaitan pararan harga ikan, ayam dan daging lembu yang dikatakan tinggi di aplikasi PriceCatcher Kementerian Perdagangan Dalam Negeiri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sekitar Kuala Lumpur adalah tidak tepat.

Menterinya Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, perkara berkenaan yang tular di Facebook tidak menggambarkan situasi sebenar kerana maklumat ditularkan tidak merangkau harga di semua tempat.

"Paparan yang tular itu hanya membabitkan harga tiga barang iaitu ikan kembung, ayam dan daging di premis sekitar daerah *up-market* Bukit Bintang sahaja.

"Semakan mendapat terdapat premis lain di kawasan berdekatan yang menjual tiga barang berkenaan pada harga lebih murah daripada yang dinyatakan dalam hantaran Facebook terbaik.

"Justeru, adalah kurang tepat untuk membuat rumusan harga hanya berdasarkan satu premis tertentu sahaja," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Terdahulu, harga tinggi tiga barang

terbabit di Bukit Bintang di sini, yang tular di Facebook membabitkan ikan kembung antara lapan hingga 12 ekor sekilogram mencecah RM24; harga ayam bersih 'super' mencecah RM12 sekilogram serta daging lembu tempatan (bahagian dua daging pejal kecuali batang pinang-tenderloin) mencecah RM40 sekilogram.

Alexander berkata, harga terkini tiga barang berkenaan semalam menunjukkan kadar lebih rendah di beberapa pasar raya di sekitar ibu kota.

"Paparan harga aplikasi PriceCatcher disusun mengikut premis dan lokasi serta harga dari terendah kepada tertinggi bertujuan untuk memudahkan pengguna membandingkan harga ditawarkan semua premis berdekatan dengan lokasi pengguna," katanya.



TASK FORCE SET UP TO LOOK INTO SOARING CHICKEN PRICES » PAGE 6

OP PANTAU

TASK FORCE TO PROBE CHICKEN PRICES

Costlier imported chicken feed pushed up chicken prices, says ministry official

AUDREY DERMAWAN
AND TEOH PEI YING
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

THE Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has set up a task force to look into the rise in the price of fresh chicken nationwide.

The ministry's enforcement director, Azman Adam, said a probe was being done.

"We need to obtain information (about the price hikes) before we can decide whether any offence has been committed."

"From our initial probe, there was an increase in the price of imported chicken feed from Argentina and Brazil, which pushed up chicken prices."

"We will investigate at all levels. If we find that the increase at the producers' and wholesalers' levels commensurates with the increase in the price, then action will be taken," Azman said during a spot check at Lotus' Tanjung Pinang Hypermarket here yesterday.

Since the start of the fasting month, there have been reports of increases in the prices of chicken and selected vegetables.

Traders had said that the price of fresh chicken in the Klang Valley increased six times this month.



Datuk Alexander
Nanta Linggi

The price of fresh chicken had also skyrocketed in Penang and Perak since the end of last month, leaving consumers fuming.

Azman said the ministry launched Op Pantau nationwide to monitor the situation, and had issued 40 notices to chicken producers and wholesalers.

He said 16 notices were issued to producers, and 24 notices were issued to wholesalers to provide information on chicken prices.

The ministry, he said, had re-

ceived 15 complaints about the rise in chicken prices and two complaints on vegetable prices.

There were 15 complaints about the rise in fish prices and one on meat.

He said there were some outlets that sold fresh chicken at RM10.50 per kg.

"However, we have not reached a stage where fresh chicken is sold at RM12 or RM13 per kg."

"That is only the retailers' expectation."

He said the supply of food was sufficient and there was no need for people to resort to panic-buying.

He urged people to check for the best deals.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Alexander Nanta Linggi also said that costly feed had led to the increase in chicken prices.

"Checks revealed the prices of chicken feed, made of soy and corn, mostly from Argentina and Brazil, have increased."

"This is reflected in the supply chain, which is from the farms, wholesalers, retailers and (finally) to consumers."

He added that the ministry held Op Catut 8.0 on April 15 to prevent profiteering upon detecting the rising prices of chicken.

The Op Pantau at markets, grocery shops and Ramadan bazaars saw 5,768 premises inspected and 27 offences recorded up to April 16.

In Kota Baru, state Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry director Adnan Abdul Rahman said compound notices were issued to 48 chicken traders since last month under Op Pasar and Op Catut.

"The operations will end on April 22."

"Officers discovered a majority of the 48 traders had increased the price of chickens

at their stalls. Other offences include failure to display price tags."

Adnan said the ministry regarded the issue of traders taking advantage of Ramadan and the festive season to increase the prices of chicken seriously.

"We have received many complaints from the public, so our

teams have been sent to wet markets and stalls to check on the items."

He added that the ministry would monitor the situation until Hari Raya Aidilfitri.

In Seremban, state Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry director Ain Arjuna Aziz Zaman said two notices were issued to chicken suppliers on April 15 and 16.

"We will supervise based on the power given to the ministry in accordance with the situation, namely the Festive Season Maximum Price Control Scheme, to ensure people get the best prices."

"Normally, chicken is included in the list of goods in the scheme," she told Bernama.

Negri Sembilan Consumer Association chairman Khairuldin Yunus urged the authorities to set up a price control scheme to prevent people from taking advantage of the situation.

He said the price control should not be limited to the festive season. **Additional Reporting by Sharifah Mahsinah Abdullah**



Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry enforcement director Azman Adam (centre) inspecting the price and quality of fresh chicken at Lotus' Tanjung Pinang Hypermarket in Penang yesterday. With him is enforcement officer Peter J. Berinus Agang (right). PIC BY DANIAL SAAD



Adnan Abdul Rahman



Ain Arjuna Aziz Zaman

On the lookout for price hikes

Officers conducting ops to ensure cost of basic goods maintain

PETALING JAYA: Over 3,000 officers have been conducting checks on prices of basic necessities, says Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

They included 2,266 enforcement officers and over 1,000 price monitoring officers, he said.

He said they had been conducting operations to ensure the public was not burdened by price hikes.


This was done in accordance with laws such as the Price Control and Anti-Profit Control Act, Trade Descriptions Act, Control of Supply Act and the Consumer Protection Act.

In a statement yesterday, he said his ministry had taken action against traders who had unethically raised the price of goods.

On the hike in chicken prices, Alexander said the ministry had implemented *Ops Catut 8.0 (Chicken)* on April 15 and found that the prices of food for livestock – which consist mostly of soybeans and corn imported from Argentina and Brazil – had increased.

"This affected chicken prices in the supply chain from the farm level to wholesalers, retailers and consumers. As of April 16, 24 notices were issued to wholesalers and 16 notices to breeders suspected of profiteering," he said.

The ministry said it also implemented *Ops Pantau* on April 13 to monitor Ramadan and Hari Raya bazaars, Hari Raya public markets, wet markets, hypermarkets, super-



Under watch: Shoppers are seen at Chow Kit Market in Kuala Lumpur as business resumes amid the pandemic. — GLENN GUAN/The Star

markets, mini markets and grocery stores, especially traders selling chicken, meat and fish.

"As of April 16, 5,768 premises have been inspected nationwide with 27 cases recorded for various offences," Alexander said.

The ministry said it also implemented *Ops Suri* on Jan 1 to monitor price tagging and prevent profiteering, including from poultry, meat, fish and vegetable traders.

Ops Pasar, which ran from Jan 12 to March 17, focused on the prices of vegetables, meat and chicken on all levels of the supply chain from

retailers to suppliers where 1,149 notices were issued to traders suspected of profiteering.

He added the ministry had received 15 complaints related to chicken prices, 15 on fish prices, two on vegetables and one on meat prices since the start of Ramadan.

"However, there were no complaints on the supply of all the items," he said.

Alexander also explained that prices displayed on the ministry's PriceCatcher mobile application were sorted by premises and location, as well as from the lowest to

highest price.

"It aims to make it easier for users to compare prices offered by all premises closest to the location of the user. This will help the users to plan their spending more wisely," he said.

The ministry encouraged the public to channel any information related to traders misconduct to the ministry's e-aduan portal, call centre (1-800-886-800), email (e-aduan@kpdnhep.gov.my), Ez ADU KPDNHEP, the Enforcement Command Centre (03-8882 6088/6245) or via Whatsapp at 019-279 4317.

Wholesalers, breeders issued notices for suspected profiteering

KUALA LUMPUR: Following the sudden increase in the price of chicken detected recently, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry conducted the Op Catut 8.0 (Anti-Profiteering Operation 8.0), issuing 24 notices to wholesalers suspected of profiteering.

Its minister, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, said during the operation last Thursday and Friday, 16 notices were also issued to poultry breeders suspected of committing the same offence.

"We are also conducting the Op Pantau nationwide since last Tuesday at Ramadan and Hari Raya bazaars, central markets, wet markets, hypermarkets, supermarkets, mini markets and grocery shops, focusing on chicken, meat and fish retailers. Until April 16, a total of 5,768 premises were inspected and 27 cases recorded for committing various offences.

"We found that the price of poultry feed comprising soybeans and corn were mainly imported from Argentina and Brazil and recording an increase, thus affecting the price in the supply chain," he said in a statement yesterday. - Bernama

Chicken price hike culprits identified

SEREMBAN: The Negri Sembilan Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has identified chicken suppliers and traders who raised prices that impacted consumers.

Two notices were issued to suppliers on April 15 and 16.

State director Ain Arjuna Aziz Zaman said the notices were aimed at getting to the root of the current price hike.

He said they would be monitoring prices based on the Festive Season Maximum Price Control Scheme.

The price of processed chicken had reportedly increased to RM10 a kilogramme since early Ramadan after suppliers and chicken farm owners raised their prices.

Negri Sembilan Consumer Association chairman Khairuldin Yunus said authorities should announce a price control scheme soon to prevent certain quarters from taking advantage of the situation. — Bernama

Ministry identifies suppliers, traders in chicken price hike

SEREMBAN: The Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry has identified the chicken suppliers and traders who raise the prices for chicken in the state.

Subsequently, two notices were issued by the ministry's state department to the raw chicken suppliers on April 15 and 16.

Its director, Ain Arjuna Aziz Zaman said the notices were aimed at going to the root of the current hike problem before action was taken against them if the increase was arbitrary and unreasonable.

"We will supervise based on the power given to the ministry in accordance with the situation and market as is usually done, namely, through the Festive Season Maximum Price Control Scheme (SHMMP) to ensure the majority of the people can enjoy the best prices.

"Normally, chicken is among the items which is always included in the list of goods in SHMMP," she told Bernama.

Earlier, the media reported the price of processed chicken went up to RM10 a kg since early Ramadan after suppliers and chicken farm owners raised their prices.

Ain Arjuna suggested that consumers make full use of the 'price catcher' application to check the prices of goods including outlets offering the best price alternatives.

She said the application could save time and cost and consumers could make comparisons at different premises as it highlighted the prices of goods on a daily, weekly and monthly basis.

- Bernama

KPDNHEP keluar 225 notis peniaga naik harga jualan

FOTO: KPDNHEP/KELANTAN

KOTA BHARU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kelantan menerangkan 225 notis termasuk 48 kepada peruncit dan pemborong ayam yang mengambil kesempatan menaikkan harga bahan makanan basah itu secara melampau bermula operasi pada Khamis hingga Ahad.

Pengarah (KPDNHEP) Kelantan, Adnan Abd Rahman berkata, 19 lagi notis kepada peniaga daging dan 34 notis kepada peniaga sayur-sayuran manakala selebihnya lain-lain peniaga.

Menurutnya, pemeriksaan menerusi Ops Pasar dan Ops Catut 8.0 dijalankan mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencautan (AKHAP) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011, Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Pelindungan Pengguna 1999 bagi menangani isu kenaikan harga barang.

"Tindakan diambil terhadap peniaga yang dikesan mengambil kesempatan menaikkan har-



Adnan (tengah) yang turun padang bersama penguat kuasa bagi memantau harga ayam yang dijual oleh peniaga di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu pada Ahad.

ga barang tanpa mematuhi perundangan tersebut.

"Sebanyak 48 notis mengikut Seksyen 21 AKHAP 2011 dikeluaran ke atas peniaga ayam atas pelbagai kesalahan termasuk kenaikan harga melampau selain 19 notis kepada peniaga daging dan 34 notis kepada peniaga sayur-sayuran," kata-nya dalam satu kenyataan akhbar di sini pada Ahad.

Adnan berkata, semua peniaga akan disiasat dan sekiranya terbukti berlaku pencatutan maka tindakan tegas akan diambil.

"Menerusi Ops Catut 8.0 yang berkuatkuasa

Khamis lalu sehingga Sabtu, pemantauan juga dilakukan ke atas penge- luar, penternak, pengilang dan pemborong ayam di negeri ini.

"Terdapat juga notis membabitkan barang bahan binaan, air kosong, pembekalan ayam dan pembekalan daging," katanya.

Tegas beliau, KPDNHEP mengambil serius isu kenaikan harga ayam berikutan aduan orang ramai dan penguatkuasaan dipertingkatkan bagi memantau bekalan dan harga ayam serta barang keperluan lain sehingga Aidilfitri.

Dedak ayam naik RM12

PONTIAN: Kenaikan harga makanan ternakan dan kekurangan bekalan ayam menjadi faktor peningkatan harga di pasaran.

Pengarah Urusan NB Poultry Processing Industries Sdn. Bhd., Baharudin Ahmad yang merupakan antara pembekal utama barang seger itu berkata, harga dedak ayam yang naik mendadak dari RM84 kepada RM106 sekampit memberi kesan kepada para penternak.

Katanya, kenaikan tersebut menyebabkan harga jualan ayam di ladang termasuk pihaknya yang memiliki seramai 20 penternak secara ‘kontrak farming’ terpaksa disusun semula disebabkan kos tambahan itu.

Tambahnya, pengeluaran ayam daripada penternak yang mempunyai perjanjian bekalan dengan pihaknya dianggarkan sejuta ekor sebulan, selain perlu mendapatkan bekalan daripada penternak lain bagi menampung permintaan.

“Sebagai syarikat pemprosesan dan pengedar ayam seger yang beroperasi sejak 1997, kami memasarkan 12 juta ekor ayam sebulan ke beberapa pasar raya besar termasuk peniaga di pasar-pasar awam.

“Kenaikan harga oleh peniaga



PENGURUS Operasi NB Poultry Processing, Izwan Zorkarnain menunjukkan ayam seger yang siap diproses di kilang syarikat itu di Kampung Parit Baru, Parit Selangor, di Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

yang hanya menjual ayam tidak dapat dielakkan kerana mereka menerima dengan harga tinggi daripada pembekal,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Kampung Parit Baru, Parit Selangor, di sini semalam.


Beliau mengulas kenaikan harga ayam yang kini mencecah

RM9.50 sekilogram di pasaran terutama di pasar-pasar awam dan dijangka terus meningkat sehingga Aidilfitri nanti.

Mengulas perkara itu, ujar Baharudin, ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dahulu, penternak ayam mengalami banyak kerugian

dengan harga ayam di ladang sekitar RM2.20 sekilogram.

“Ada antara ladang ayam terpaksa ditutup akibat kekurangan permintaan ketika itu ditambah dengan ketiadaan pekerja disebabkan penutupan pintu sempadan negara,” jelasnya.



Pembeli harus bijak

PETALING JAYA: Pembeli harus bijak membuat pilihan dan membuat tinjauan harga barang supaya tidak membeli barang yang dinaikkan harga tanpa justifikasi yang jelas.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan Mydin, Datuk Ameer Ali Mydin berkata, kerajaan sudah melakukan yang terbaik termasuk menghantar pegawai-pegawai untuk memantau harga barang.

“Saya boleh menasihati pembeli atau pengguna supaya bersikap bijak untuk membeli. Pastikan anda membuat penelitian dahulu bagi memastikan pembelian dibuat dengan harga yang berpatutan serta mempunyai kadar jimat yang tinggi.

“Kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menjalankan pemantauan namun apa yang boleh saya cadangkan pemantauan harus turut melibatkan golongan pembekal” katanya ketika dihubungi semalam.

Menurut Ameer Ali, syarikatnya sentiasa cuba mengekalkan harga rendah namun secara keseluruhan, harga barang masih bergantung pada pembekal dan bukannya penjual.

Tambahnya, pada minggu kedua Ramadan tahun ini dijangkaan harga ayam akan meningkat berikutan kekurangan stok ayam dalam negara.



PEMBELI terpaksa mengawal perbelanjaan dengan mengehadkan pembelian sayur-sayuran.

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kajang

Perintaan tinggi, kekurangan bekalan serta hujan dikatakan menjadi alasan pembekal menaikkan harga ayam serta beberapa jenis sayuran baru-baru ini.

Peniaga sayur, Muhammad Nasir Ali, 32, berkata, antara beberapa sayuran yang mengalami kenaikan harga ialah timun, daun bawang, tomato dan kacang panjang.

"Kenaikan sayuran berkenaan naik antara 50 sen hingga lebih RM1 sejak awal bulan ini (April).

"Keadaan itu menyebabkan kami (peniaga) terpaksa menaikkan harga sayuran berkenaan kerana harga yang diperoleh daripada pembekal sudah naik."

"Apabila ditanya kepada pembekal, mereka memaklumkan harga sayuran berkenaan naik kerana kekurangan bekalan susulan permintaan tinggi dan hujan," katanya di Pasar Kajang di sini, semalam.

Muhammad Nasir berkata, kenaikan beberapa sayuran itu menyebabkan tren pembelian juga menurun.

"Ramai pembeli menyatakan ketidakpuasan hati mereka kerana kenaikan harga sayur berkenaan. Kami perlu menjelaskan kepada mereka sebab peniaga terpaksa menaikkan harga kerana harga daripada pembekal sudah naik."

"Keadaan ini menyebabkan sesetengah pembeli ju-

Naik seringgit musim hujan

Pembekal turut beri alasan bekalan kurang sebagai punca kenaikan harga barang



ANTARA barang yang menjadi mahal sejak awal April.

ga mengehadkan pembelian sayur berkenaan dari satu kilogram kepada setengah kilogram," katanya.

Bagi peniaga ayam pula, Mohd Fauzi Zakaria, 36, harga bahan mentah itu menunjukkan tren peningkatan sejak awal bulan ini.

"Dalam bulan ini sahaja, sudah empat kali harga ayam (dari pembekal) naik, sekali gus memaksa kami menaikkan harga antara lebih RM8 hingga lebih RM9 bergantung kepada harga pem-

**Sejak April ini,
pembekal naikkan
harga ayam empat kali**

belian dari pembekal.

"Kenaikan ini yang paling teruk saya rasa kerana sebelum ini harganya akan menurun semula selepas naik beberapa kali. Tidak kelebihan tren penurunan harga ayam," katanya.

Sementara itu, pembeli, Aminuddin Kodir, 36, berkata, dia menyedari kenaikan harga ayam serta beberapa jenis sayur berlaku seminggu sebelum Ramadan pada awal April ini. "Pada bulan la-

lu, saya beli ayam pada harga RM8 sekilogram (kg). Saya perasan harga ayam naik sehingga RM9.50 sekilogram seminggu sebelum puasa.

"Kenaikan harga ini menyebabkan saya mula mengehadkan pembelian ayam dari seminggu sekali kepada dua minggu sekali."

"Bukan sahaja harga ayam, tetapi beberapa barang lain termasuk sayuran juga dilihat naik. Keadaan ini menyebabkan saya sebagai pengguna terbeban dengan kenaikan harga itu," katanya yang juga juruterap projek.

Spike in production cost leads to rise in prices

PETALING JAYA: Prices of chicken have gone up due to the steep rise in the production cost since August last year, says the Federation of Livestock Farmers' Associations of Malaysia.

Its president Tan Chee Hee said the prices of raw materials such as corn and soybeans had increased between 50% and 80%.

"Last year, the price of crude palm oil was more than RM2,000 but today, it has increased to about RM4,050.

"Our production cost has increased, so we have to raise the prices of chicken," he said.

Tan noted that the hike in the prices was not caused by any shortage as the supply was sufficient.

He also said during the conditional MCO, chicken prices were slowly recovering while the supply and demand were quite stable.

"But we have to increase the prices of livestock to cover our prior losses. Most players in the industry have been facing losses for the past two to three years.

"It has been a tough time for us and the majority of the farmers are facing losses, especially those who have not diversified their business and focus solely on farm products," he said, adding that selling chicken at a farm price of between RM5.50 and RM6 was quite fair for producers to cover their losses.

Tan said there was also a slight increase in the prices of eggs.

"Farmers have tried to sell eggs at a better price but due to poor demand, egg farmers are faced with losses too," he said.

He said industry players were in communication with the government to address the situation.

Lelaki ditahan miliki minyak diesel tanpa permit

GUA MUSANG - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Cawangan Gua Musang menahan seorang lelaki kerana disyaki memiliki minyak diesel tanpa permit di sebuah stesen minyak di Kampung Star di sini pada Sabtu.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Daerah, Tuan Mohd Koma Shapii berkata, lelaki berusia 60-an itu ditahan ketika sedang mengisi minyak diesel.

Menurutnya, pihaknya turut menyita

sebuah kenderaan pacuan empat roda bersama lima tong minyak diesel dengan anggaran 150 liter bernilai RM322.50 untuk siasatan lanjut.

"Anggaran nilai rampasan termasuk kenderaan berjumlah RM50,180," katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, siasatan juga akan dilakukan terhadap pemilik stesen minyak kerana disyaki bersubahat dalam penjualan minyak bersubsidi kepada pihak yang tidak sepatusnya.

Jangan 'buli' pelanggan untuk kaut untung



ANALISIS
MUKA 16

RAHAYU MUSTAFA

Pernahkah anda dikenakan bayaran untuk segelas air kosong ketika menjamu selera di kedai atau restoran? Jika ya, itu bukan perkara pelik kerana sewajarnya kita membayar setiap makanan atau minuman yang dinikmati di kedai walaupun hanya air kosong.

Cuma yang jadi masalah apabila caj dikenakan terlalu tinggi. Atau bahasa mudahnya cekik darah! Tidak dinafikan, memang ada peniaga mengenakan bayaran tidak masuk akal kepada pelanggan.

Harga segelas air kosong bukan 30 sen atau 50 sen tapi melebihi RM1, aduhai nilainya hampir sama dengan meminum segelas teh 0 atau teh 0 ais.

Perangai mahu kaut untung lebih segelintir peniaga ini dibongkar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang menjalankan Ops Catut 8.0 (air kosong) selama sembilan hari bermula 7 hingga 15 April di seluruh negara.

Selepas tiga hari operasi dilakukan, sebanyak 84 notis dikeluarkan kepada peniaga premis makanan dan minuman di seluruh negara kerana mengenakan caj air kosong melebihi RM1 segelas.

Timbalan Menteri KPDNHEP, Datuk Rosol Wahid berkata, dari pada jumlah itu, Kelantan merekodkan kes paling tinggi iaitu 14 notis

diikuti Selangor 12 notis manakala Sabah, Sarawak dan Johor masing-masing sebanyak lapan notis.

Menurutnya, Pahang turut mencatatkan tujuh kes, Terengganu sebanyak enam kes dan dalam tempoh tiga hari itu hanya Kedah dan Putrajaya belum merekodkan sebarang notis dikeluarkan. Semua peniaga itu menerima notis bertulis untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kerana disyaki wujud unsur pencatutan iaitu mengambil untung berlebihan.

Peniaga terutama pengusaha restoran mewah meletakkan harga tidak munasabah pada makanan dan minuman yang dijual bukanlah perkara baharu.

Ia sudah berlarutan lama namun mereka bermaharajalela berikutan kurangnya kesedaran sebagai pengguna. Apabila pihak berkuasa mula mengambil tindakan, ia memberi signal kepada segelintir peniaga raksus bahwa mereka sebenarnya tidak kebal dan boleh dikenakan tindakan apabila adanya aduan dari pelanggan.

Sebagai pengguna, kita ada hak dan lapor kan sahaja mereka yang mahu untung lebih kepada KPDNHEP supaya tindakan sewajarnya boleh diambil pihak berkuasa. Inilah dinamakan kuasa pengguna.

Namun begitu, tidak semua peniaga yang fikirkan keuntungan semata-mata. Ada penjual yang mengenakan caj terlalu murah hingga kita sebagai pelanggan fikir 'boleh untung ke jual harga macam ini?', terutama dalam keadaan kos bahan mentah semakin meningkat.

Sebagai contoh, pemilik Warong Pok Hassan di Wakaf Tembesu, Kuala Nerus di Terengganu masih menjual segelas tea 0 panas dengan harga 20 sen dan caj itu tidak ber-

ubah sejak dua dekad lalu.

Mohd Ridhuan Mohd Hassan yang meneruskan operasi warung itu daripada arwah bapanya, Allahyarham Mohd Hassan Yunus berkata, teh 0 panas di situ akan kekal 20 sen secawan sampai bila-bila kerana itu amanat bapanya.

Anak sulung daripada tujuh beradik itu berkata, harga istimewa berkenaan adalah hadiah kepada pelanggan yang banyak menyokong perniagaan keluarganya.

Selain itu, scorang lagi peniaga di Kampung Losong Atap Zin, Kuala Terengganu iaitu Sinah Sulaiman juga hanya mengenakan harga 30 sen bagi secawan tea 0 sejak bermiaga makanan dan minuman lebih 20 tahun.

Harga makanan yang ditawarkan di kedua-dua warung itu juga murah dengan nasi lemak ikan bilis, ikan tongkol, mee goreng, bihun dan pulut gaul nyiur berharga antara RM1 hingga RM1.50. Walau murah mereka kata masih mampu meraih keuntungan.

Dua individu ini merupakan sebahagian daripada ribuan peniaga di negara ini yang penulis percaya masih ada mengenakan harga berpatutan pada makanan, minuman, produk dan perkhidmatan mereka tawarkan. Penjual seperti inilah yang harus disokong dan didokong. Bukan peniaga yang meletakkan harga tidak masuk akal.

Jika tidak mahu membuat amal jariah atau bersedekah sekalipun, janganlah kita sebagai peniaga 'membuli' dan menekan pelanggan semata-mata mahu untung lebih. Silap hari bulan bukan saja pelangan lari, dosa pun dapat!

*Rahayu Mustafa ialah Ketua Warung Sinar Harian Terengganu



ISU minyak masak naik lebih RM30 cetus kemarahan orang ramai.

Menteri tahu ke minyak masak naik

"MINYAK masak naik lebih RM30. Yang Berhormat (YB) atau menteri tahu ke tak tahu? Terharunya. Terima kasih Perikatan Nasional (PN)."

Tulis Qaseh Khadeijah di Twitter berserta gambar harga minyak masak berharga RM30.90 di sebuah pasar raya pada 14 April lalu.

Tambahnya lagi, hanya sesetengah pasar raya besar yang menjual minyak masak cap Pisau berharga RM30.90 manakala jenama lain pada harga RM27.90.

"Diakui ada yang menjual minyak masak paket 1 kilogram (kg) berharga RM2.50 namun

terhad dan sukar didapati. Kalau tiga kali pergi, belum tentu ada stok," tulisnya.

Ujar Siti Sabdi ruangan komen, dia terkejut dengan harga minyak masak naik lebih RM30 ketika Ramadan berbanding dahulu antara RM18 hingga RM20 lebih sahaja.

Deen 7007 pula menyatakan harga seperti ini bukannya nak bantu rakyat manakala Sir Sazly pula berkata, apabila harga minyak masak, ayam dan barang lain naik tidak mustahil restoran dan kedai makan turut akan menaikkan harga makanan.

GreenBag by CIC sasar jualan 1,000 kit pembelajaran

CYBERJAYA – Green Bag by CIC telah melancarkan kit pembelajaran yang dikenali sebagai Know It All Box sebagai usaha untuk menambah baik sistem pembelajaran awal kanak-kanak agar ia menjadi lebih holistik.

Mengambil contoh sistem pembelajaran dari negara maju yang berasaskan play and learn, produk keluaran anak syarikat CIC Where Leaders Are Born (CIC) itu akan dapat membantu menyediakan peluang pembelajaran yang merangsang minda kanak-kanak berumur antara tiga hingga tujuh tahun.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Qutren Nada Ahmad berkata, Know It All Box merupakan kit pembelajaran selama 12 bulan yang mengandungi pelbagai aktiviti dan mempunyai tema berasingan yang sangat menarik untuk kanak-kanak.

Antara temanya ialah Yes, I Can Do It, When I Grow Up, Down On The Farm, CIC's Pocket, My Mother/My Queen/My Teacher & My Happiness, Food & Nutrition serta A Box To The World.

"Selain aktiviti yang berasaskan kepada eksperimen



QUTREN NADA (tengah) pada majlis pelancaran kit pembelajaran Know It All Box di Cyberjaya baru-baru ini.

sains, lukisan dan kemahiran, kit pembelajaran itu juga memfokus kepada elemen 3 E iaitu experience, experiment dan exploration yang membantu kanak-kanak merasai sendiri pengalaman yang terkandung dalam kit

berkenaan.

"Lebih menarik, ibu bapa boleh melakukan aktiviti tersebut bersama anak-anak di hujung minggu bagi mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan selain membantu ibu bapa membimbing proses

pembelajaran anak-anak di rumah," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran kit pembelajaran itu di sini baru-baru ini.

Qutren Nada menjelaskan, Know It All Box boleh dilanggan

dengan kadar bayaran RM118 untuk hanya sebulan dengan menerima empat aktiviti di dalam kotak berkenaan.

Bagaimanapun, jika ibu bapa melanggarn selama 12 bulan, maka kadar bayarannya hanya RM69 untuk setiap bulan, ini menunjukkan syarikat telah memberi potongan harga yang menarik untuk langganan pakej tersebut.

"Kami menyediakan 1,000 kit pembelajaran ini untuk dilanggan oleh ibu bapa, guru tadika dan juga pengasuh kanak-kanak," jelasnya.

Syarikat juga mempelawa usahawan berminat menjadi ejen atau perunding pendidikan untuk berkongsi ilmu melalui produk berkenaan selain menambah pendapatan bulanan.

Sementara itu, pada majlis tersebut, CIC telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan Global Art untuk bekerjasama dalam bidang seni kreatif.

Majlis tersebut telah disaksikan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

HARI : ISNIN
TARIKH : 19/4/2021
M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam RM5.99 Daging Lembu Tempatan RM35 Daging Lembu Import RM21	Telur Gred A RM9.90 Ikan Kembung RM8.90 Minyak Masak RM5.40	Gula Pasir RM2.85 Bawang Besar Holland RM2.29 Bawang Putih RM4.89	Cili Merah RM6.90 Kubis Tempatan RM2.50 Tepung Gandung RM2.15
--	---	---	---	---

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP